

BULETIN TERAJU



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

www.umk.edu.my



APC 2009

41 Staf UMK
Terima Anugerah



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pelancaran
Sistem
Pengurusan Mesyuarat
Universiti Malaysia Kelantan

pada
9 Jun 2010 bersamaan 26 Jamadil Akhir 1431 Hijrah
disempurnakan oleh :

v Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan
Ketua Setiausaha Negara

ISSN 1985-5451



9 771985 545008



UNIVERSITI LAKAR SEJARAH AWAL
UMK berjaya melakar kejayaan
awal menerusi Pameran
ITEX 2010.



EKSKLUSIF BERSAMA NAIB
CANSOLOR
Pendidikan Keusahawanan
Rentasi Kurikulum



PERSIDANGAN SUMBER ASLI
KEBANGSAAN (NCNR)
Kepentingan pemeliharaan
sumber asli dan persekitaran

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed

Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
(Akademik dan Antarabangsa)

Pendafatar
En. Abdul Halim Abdul Rahman

Bendahari
Hajah Siha Saat

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat

Editor
Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah Mohamad Sirin
Liau Pei Wen

Wartawan
Syairimie Wosley
Normala Othman

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka
Elyani Zamri

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan
Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insaniah

Prof. Rosdi Ab. Rahman
Pengarah Pusat Pembangunan dan
Pengurusan Akademik



Tajuk : TERAJU
Foto : Mohd Al Azam Mat Razi
Rekabentuk : Elyani Zamri

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
PUSAT HUBUNGAN KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mel: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7010
Faks: 09-771 7022
Laman web: <http://www.umk.edu.my>

PERUTUSAN Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadirat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasih.

Terlebih dahulu, saya ingin berkongsi kegembiraan dan melahirkan rasa bangga warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kunjungan pertama Ketua Setiausaha Negara, Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan ke UMK pada 9 Jun 2010 sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Gemilang Universiti (AGU) 2009.

Kunjungan Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan selaku penjawat awam tertinggi di Malaysia ke UMK dan kata-kata perangsang yang beliau berikan sememangnya membakar semangat warga UMK untuk terus berkhidmat dengan lebih gigih demi memajukan sektor pengajian tinggi negara sekaligus menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua penerima APC dan AGU UMK 2009 kerana telah menunjukkan kecemerlangan dan kesungguhan sepanjang anda semua berkhidmat di Universiti khususnya ketika usia Universiti masih muda. Pada peringkat awal penubuhan, sesebuah organisasi sememangnya penuh dengan pelbagai cabaran dan menuntut pelbagai pengorbanan daripada staf yang berkhidmat pada tempoh awal ini.

Saya berharap pengiktirafan yang diberikan tersebut akan dijadikan contoh atau sumber inspirasi kepada yang lain untuk meningkatkan usaha memajukan diri dan organisasi. Bagi staf UMK yang tidak terpilih, saya berharap anda semua tidak berputus asa kerana anugerah bukan kayu pengukur mutlak kecemerlangan seseorang. Kita sebaliknya perlu bersikap ikhlas, jujur, amanah dan komited semasa melaksanakan tugas seharian tanpa merungut atau memberi sebarang alasan.

Dalam keputusan permohonan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 18 Jun 2010, UMK menawarkan 702 tempat pengajian kepada pemohon lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan setaraf bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama dalam Sesi Akademik 2010/2011.

Jumlah pelajar yang ditawarkan pengajian untuk Sesi Akademik 2010/2011 di UMK mengikut fakulti adalah Fakulti Agro Industri & Sumber Asli (290 orang), Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (230 orang), Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (142 orang) dan Fakulti Perubatan Veterinar (40 orang).

Pelajar baru UMK untuk Sesi Akademik 2010/2011 telah melapor diri pada 3 Julai 2010 dan kita mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar ini dan pada masa yang sama kita perlu berusaha mencorakkan kehidupan mereka di UMK selama empat tahun ini dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka dalam jangka masa panjang.

Selain itu, saya turut menganggap cabaran utama kepada UMK sekarang adalah aspek kebolehpasaran pelajar kumpulan pertama yang akan menamatkan pengajian pada tahun hadapan dan telah menjadi tugas Universiti untuk memastikan para pelajar tersebut mampu bersaing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

Saya tidak menafikan dunia pendidikan yang bertapak di mana-mana sekalipun mesti mempunyai pelajar yang lemah, baik dan cemerlang. Kita cuma risau pelajar yang lemah tidak mahu berusaha dan ini menjadi cabaran kepada kita. Justeru, pihak Universiti berusaha untuk mengadakan kelas dan program tambahan kepada pelajar kita untuk menambah nilai kepada diri mereka.


Akhir kata, saya berharap semua warga UMK dapat memberi bantuan dan bimbingan yang sebaik mungkin kepada pelajar-pelajar baru UMK sekiranya khidmat kita diperlukan dan kita berharap dapat membentuk mereka menjadi modal insan cemerlang yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“Semoga Allah Melindungi Tuanku
Dunia Dan Akhirat”

Wassalam.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.



MITI SUMBANG DANA RM300 RIBU



Ucapnaya oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed



Sumbangan disampaikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed kepada Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

USAHA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam menjayakan teras Universiti menerusi nilai keusahawanan terus mendapat pengiktirafan pelbagai pihak apabila menerima sumbangan dana sebanyak RM300,000 untuk projek *Student Mall*, baru-baru ini.

Sumbangan ini merupakan sokongan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi memperkukuhkan konsep pembedayaan keusahawanan siswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed menyatakan *Student Mall* merupakan salah satu program di bawah Program Keusahawanan Siswa (PKS) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989.

"Sejak dilancarkan seramai 127,285 siswa telah mengikuti pelbagai program anjuran MITI dari tahun 2006 hingga 2009 melibatkan 20 buah IPTA," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyempurnakan Majlis Penyerahan Cek Dana Projek *Student Mall*, di sebuah hotel di Kota Bharu, pada 22 Mei 2010.

Dalam pada itu, beliau berkata, pembangunan *Student Mall* ini akan membabitkan pembinaan sekurang-kurangnya 10 lot kedai termasuk ruang pejabat dan tempoh pembinaan tapak projek bagi pembinaan *Student Mall* tidak melebihi setahun.

"Menerusi pemberian peruntukan ini kepada UMK ianya telah melengkapkan semua pengagihan bajet oleh MITI untuk projek *Student Mall* kepada semua IPTA," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Penasihat MITI, Dato' Nik Zainiah binti Nik Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan MITI Dato' Abdul Ghafar Musa dan Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

Terdahulu, Penasihat MITI, Y.Bhg. Dato' Nik Zainiah telah menyampaikan satu taklimat dan sesi soal-jawab tentang Model Baru Ekonomi (MBE) dan peranan serta fungsi MITI.

HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA UNESCO

PROGRAM Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah dijadikan salah satu inisiatif oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam usaha memupuk minat membaca di kalangan masyarakat.

Program anjuran Jabatan Perpustakaan UMK itu merupakan salah satu daripada enam Hari Antarabangsa UNESCO yang akan disambut oleh UMK sepanjang tahun 2010 dengan tujuan memberi kesedaran dan sumber maklumat kepada warga Universiti.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, penganjuran program itu adalah sebahagian daripada strategi Universiti untuk mengantarabangsakan organisasi dan Jabatan Perpustakaan UMK.

"Peranan Universiti dalam hal ini akan dilihat apabila laporan pelaksanaan program tersebut bakal dikemukakan ke pejabat UNESCO sebagai tujuan makluman tentang inisiatif UMK yang menyokong kepentingan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia UNESCO di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK, Pengkalan Chepa pada 25 April 2010.

Dalam pada itu, Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia disambut setiap tahun di serata dunia bagi menggalakkan aktiviti pembacaan, hasil penulisan dan perlindungan harta intelek melalui hak cipta.

Tambah Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, usaha UMK untuk meraikan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia pada tahun ini diharap dapat menggalakkan aktiviti penulisan dan penerbitan buku ilmiah terutama dalam kalangan staf akademik Universiti.

"Kita berharap hasrat Universiti untuk muncul sebagai peneraju modal insan yang berkualiti dan cemerlang dapat direalisasikan melalui usaha mengubah minda dan menimbulkan rasa minat masyarakat terhadap aktiviti membaca terutama bahan ilmiah," jelasnya.

Pada majlis sama, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai turut menyempurnakan pelancaran dua buah buku terbitan UMK yang bertajuk *Cotemporary Readings On Entrepreneurship and Small Business Management* (Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana) dan *Conserving Lojing Highlands for Sustainable Development* (Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli).



Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyempurnakan pelancaran buku terbitan UMK.



Pelajar sekolah mengambil peluang bermesra dengan Naib Canselor UMK.

WARGA UMK PERLU RELEVAN

TINGKATKAN KECEMERLANGAN UNIVERSITI



Pencapaian sesebuah universiti bukan sahaja diukur dari segi kejayaan melahirkan para ilmuan akademik profesional tetapi juga melahirkan penjawat awam yang sentiasa relevan dan mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Justeru itu, Ketua Setiausaha Negara, Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan menggesa UMK untuk membuktikan kewujudannya adalah relevan serta mampu memainkan peranan untuk membimbing dan membentuk pemikiran masyarakat.

Menurutnya, UMK perlu lebih cekap, berkesan, responsif, berani berubah serta peka kepada perubahan semasa untuk menangani persaingan dari dalam dan luar organisasi.

"Setiap staf disarankan agar memantapkan daya saing dan keupayaan diri melalui penguasaan dalam ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Gemilang Universiti (AGU) 2009 di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 9 Jun 2010.

Pada majlis itu seramai 41 staf UMK menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2009 dengan sembilan daripadanya adalah penerima Anugerah Gemilang UMK (AGU).

Sementara itu, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) bagi Tahun 2009.

Pada majlis sama, Universiti Malaysia Kelantan turut melancarkan sistem e-mesyuarat (*e-meeting*) yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan dan disaksikan oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Pendaftar UMK, En. Abdul Halim bin Abdul Rahman.



Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara melancarkan Sistem Pengurusan Mesyuarat di Universiti Malaysia Kelantan sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009.

Universiti Lakar Sejarah Awal DALAM PENDIDIKAN NEGARA

DALAM usaha mempergiatkan budaya pemikiran kreatif dan inovatif, Universiti Malaysia Kelantan berjaya melakar kejayaan awal menerusi Pameran Teknologi Inovasi dan Rekaan Antarabangsa (ITEX) 2010 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Mei lalu.

Berucap dalam majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini bin Mohamed berkata, pihak Universiti berbangga dengan kemenangan dua pingat emas di samping tiga pingat perak dan satu gangsa menerusi enam penyertaan dalam pameran ITEX 2010.

"Ini adalah penyertaan kali kedua UMK di ITEX 2010 dan kemenangan ini adalah yang pertama meraih pingat emas yang diperolehi hasil inovasi Pensyarah Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Profesor Dr. Awang Soh Mamat, katanya.

Kejayaan itu adalah hasil projek *Organic Hirudin Fertilizer* dan *Anti-Oxidant of Natural Purple Colour of Gynochtododes Sublanceolata* (pokok pitang) dan *Ipomoea Batatas* (keledek).

Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini menyifatkan kemenangan itu cukup bermakna kerana pameran itu turut disertai oleh pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT), institusi penyelidikan, individu dan sektor korporat dari pelbagai negara.

"Sebagai sebuah universiti yang masih dianggap baru dalam pembangunan dan operasinya, UMK berjaya mencapai beberapa pengiktirafan daripada agensi luar hasil budaya kerja yang kreatif dan inovatif oleh warga universiti," katanya.

Di dalam pameran yang sama, projek yang diketuai oleh Muhd. Najibul Muthiee Yaacob dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan menang tiga pingat perak menerusi projek bertajuk *Multi-purpose Strap, Tomato and Chili Sauce Holder* dan *Extendable Soap Holder*. Selain itu, katanya, UMK berjaya memenangi pingat gangsa menerusi projek *Napping Mas*.

Sementara itu, seramai 41 kakitangan UMK menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 dengan sembilan daripadanya merupakan penerima Anugerah Gemilang UMK (AGU) daripada pelbagai kategori antaranya AGU khas universiti, keusahawanan, pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan.



Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli dinobatkan sebagai pemenang, Anugerah Kualiti Naib Canselor.

'LIBATKAN NILAI KREATIVITI, INOVASI

PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN RENTASI KURIKULUM

- NAIB CANSOLOR UMK

**Eksklusif bersama Naib Canselor , Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed
sempena tiga tahun UMK beroperasi**

Masyarakat sering kali mengaitkan keusahawanan dengan aktiviti berniaga atau menjalankan perniagaan sendiri untuk menjana pendapatan lumayan, namun bagi Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed konsep keusahawanan itu sebenarnya perlu dilihat daripada aspek yang lebih luas dan terbuka terutama dalam era globalisasi pada masa kini.

Sebagai sebuah universiti yang menjadikan keusahawanan sebagai falsafah kurikulumnya melalui frasa rangsangan *Entrepreneurship Is Our Thrust*, UMK mahu membuktikan kepada masyarakat bahawa usahanya untuk melahirkan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global itu adalah merentasi kurikulum pengajian.

Menurut Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, pendidikan keusahawanan bukannya tertumpu kepada matlamat untuk melahirkan modal insan yang berjaya dalam bidang perniagaan semata-mata, sebaliknya turut melibatkan usaha melengkapkan bakal graduan dengan pelbagai kemahiran dan ilmu untuk menghadapi cabaran globalisasi.

"Kita menyatakan UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan, ini bukan bermakna kita tidak boleh menawarkan program pengajian dalam bidang sains seperti perubatan veterinar. Sebelum ini ada sesetengah pihak berpendapat pendidikan keusahawanan itu harus datang daripada fakulti perniagaan atau ekonomi sahaja," katanya dalam wawancara bersama Buletin Teraju di pejabatnya baru-baru ini.

Kata beliau, pandangan seumpama itu adalah salah sama sekali. Kita harus sedar bahawa keusahawanan telah menjadi agenda global pada masa ini bahkan pendidikan keusahawanan adalah merentasi kurikulum kerana ia juga melibatkan nilai-nilai inovasi dan kreativiti.

Tambah Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, ada di kalangan individu daripada aliran sains seperti kejuruteraan dan teknologi didapati telah mampu membuktikan mereka sebenarnya lebih bersifat keusahawanan daripada individu yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang ekonomi atau perniagaan.

"Apabila kita sebut tentang keusahawanan, ia merupakan sesuatu cabang ilmu yang boleh melatih seseorang itu untuk menyesuaikan diri dalam apa jua suasana sekalipun termasuk berani menganggung risiko dalam usaha menyumbang kepada pertumbuhan nilai ekonomi yang tinggi," katanya.

Jelas beliau, individu yang mempunyai sifat-sifat keusahawanan lazimnya terdiri daripada mereka yang kreatif, inovatif dan selalu fikirkan perubahan kerana dengan adanya perubahan positif maka ia sebenarnya dapat mengurangkan pembaziran.

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed yang juga Pengerusi Projek Agenda Kritikal (CAP) bagi komponen keusahawanan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) memberitahu, peluang dan ruang untuk mengembangkan nilai-nilai keusahawanan dalam bidang sains untuk manfaat semua sebenarnya adalah sangat luas.

Sebagai contoh, kata beliau individu yang terlibat dalam bidang perubatan veterinar dapat mengamalkan nilai keusahawanan dengan memikirkan bagaimana cara penjagaan haiwan itu dapat dibuat dengan lebih baik dan sempurna, bukan hanya semata-mata memberi rawatan kepada haiwan apabila ianya mengalami masalah kesihatan.



Individu yang mempunyai sifat-sifat keusahawanan lazimnya mereka yang kreatif, inovatif dan yang melakukan perubahan - Naib Canselor.

"Ini merupakan nilai kreativiti dan inovasi yang melayakkan seseorang itu digelar sebagai usahawan. Mereka mempunyai daya keupayaan dan kebolehan untuk mengaplikasikan idea kreatif terhadap masalah dan mencari peluang untuk meningkatkan produktiviti serta prestasi," katanya.

Menurut beliau, pihak Universiti bukan sahaja gembira dapat melihat pelajar-pelajar Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP) bergiat aktif dalam aktiviti keusahawanan, malah pelajar-pelajar dari Fakulti Agro Industri & Sumber Asli (FASA) UMK juga berjaya membawa pendapatan untuk fakulti mereka dan Universiti secara umumnya.

Tambah beliau, pendidikan keusahawanan bukan teori semata-mata sebaliknya kita mahu mendidik para pelajar memanipulasi segala sumber yang ada secara optimum untuk memaksimumkan produktiviti secara efektif.

Pendidikan keusahawanan bukan teori semata-mata sebaliknya kita mahu mendidik para pelajar memanipulasi segala sumber yang ada secara optimum untuk memaksimumkan produktiviti secara efektif.

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menjelaskan, pelajar-pelajar FASA UMK sebagai contohnya telah memulakan langkah dan percubaan yang baik bagi mengembangkan nilai keusahawanan apabila mereka dapat mengaut keuntungan melalui penjualan *rock melon* yang mereka tanam sendiri melalui sistem tanaman fertigasi.

"Pihak Universiti akan terus memberi galakan dan sokongan padu kepada pelajar-pelajar untuk terlibat dalam aktiviti seumpama itu melalui pemberian insentif dan sebagainya. Kita berharap ini akan membakar semangat mereka untuk terus berusaha pada masa hadapan.

"Bagaimanapun, kita tidak terlalu mengharapkan kesemua pelajar UMK untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan. Sekiranya kita dapat mencapai sasaran 15 hingga 20 peratus daripada jumlah pelajar yang kita ada sekarang, itu sudah cukup bagus bagi saya," jelasnya.

Beliau memberitahu, pihak Universiti berharap para pelajar yang terlibat dalam pembelajaran keusahawanan atau perniagaan dapat dilatih untuk memikir dan melaksanakan sesuatu perkara itu secara lebih menyeluruh seperti dari segi perancangan, pemasaran dan tenaga sumber manusia.

"Kelebihan ini akan menjadi satu nilai tambah kepada diri pelajar tersebut dan sekiranya dia tidak menjalankan perniagaan dan bekerja dengan industri, nilai keusahawanan yang ada pada dirinya akan menjadikan dia seorang pekerja yang baik dan dapat memberi sumbangan kepada syarikat.

Sebagai contohnya, seorang pekerja yang kreatif dan inovatif akan tahu bagaimana untuk mengoptimumkan sumber yang ada untuk membantu syarikat mengaut keuntungan yang maksimum," katanya.

Mengulas mengenai kerjasama UMK dengan pihak industri khususnya berkaitan dengan keusahawanan, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menjelaskan, pihak industri sentiasa memberi sokongan padu kepada program-program keusahawanan yang dilaksanakan di UMK.

"Pihak SME Bank dan SME Corp sentiasa membantu kita dalam program latihan industri pelajar malah mereka juga datang ke UMK untuk memberi input kepada Universiti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran," ujar beliau.

Beliau memberitahu, pihak Universiti telah menubuhkan UMK *Action Group for Entrepreneurship (AGE) Council* baru-baru ini yang bertujuan untuk menggerakkan agenda keusahawanan bersama pihak industri melalui kerjasama secara menyeluruh," katanya.



"Pelajar tahun akhir akan didedahkan kepada beberapa program tambahan yang saya fikir Universiti lain mungkin tidak mengambil langkah seumpama ini. Kita mahu memberi mereka peluang pembelajaran yang lebih banyak kerana apabila mereka sudah bekerja peluang sedemikian akan menjadi lebih sempit," katanya.

Sementara itu, beliau mengakui cabaran kepada pihak Universiti pada masa sekarang adalah aspek kebolehpasaran pelajar kumpulan pertama yang akan menamatkan pengajian pada tahun hadapan dan telah menjadi tugas Universiti untuk memastikan para pelajar tersebut mampu bersaing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

"Pihak Universiti sememangnya meletakkan harapan kepada pelajar-pelajar kumpulan pertama. Kita sekarang cuba untuk memberi ilmu, kepakaran dan kemahiran kepada mereka dengan sebanyak mungkin meskipun kita telah berusaha mengajar dan membimbing mereka selama tiga tahun dengan sebaik-baiknya.

"Pelajar tahun akhir akan didedahkan kepada beberapa program tambahan yang saya fikir Universiti lain mungkin tidak mengambil langkah seumpama ini. Kita mahu memberi mereka peluang pembelajaran yang lebih banyak kerana apabila mereka sudah bekerja peluang sedemikian akan menjadi lebih sempit," katanya.

Sebagai contoh, menurut beliau, pelajar tahun akhir akan menyertai program khas bersama-sama *University of Cambridge* yang dikenali sebagai pendidikan keusahawanan mengikut pengalaman di *University of Cambridge*.

"Kita akan membawa modul pendidikan keusahawanan di *University of Cambridge* selain meneruskan program dengan menggunakan modul *National Council for Graduate Entrepreneurship (NCGE)* di *United Kingdom (UK)*. Kita bekerjasama dengan NCGE untuk melaksanakan program yang dikenali sebagai *FlyingStart*," katanya.

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed turut melahirkan rasa kerisauannya terhadap kumpulan pelajar UMK yang dianggap masih lemah dalam pelajaran terutama dalam kemahiran penguasaan bahasa Inggeris.

"Dunia pendidikan yang bertapak di mana-mana sekalipun mesti mempunyai pelajar yang lemah, baik dan cemerlang. Cuma yang kita risau sekarang ialah pelajar yang lemah tidak mahu berusaha dan ini menjadi cabaran kepada kita.

"Kita mahu mengubah pemikiran mereka supaya mereka sedar bahawa mereka perlu menguasai kemahiran tertentu untuk lebih berjaya dalam hidup. Justeru, pihak Universiti berusaha untuk mengadakan kelas dan program tambahan kepada pelajar tersebut untuk menambah nilai kepada diri mereka," katanya.

Lensa

WORLD BOOK & COPYRIGHT DAY HARI BUKU & HAKCIPTA SEDUNIA 24 - 25 April 2010



Majlis Perasmian World Book & Copyright Day UNESCO 2010, di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 24 - 25 April 2010.

Lawatan Kerja UMK ke Ho Chi Minh City, Vietnam sempena Mesyuarat Asean Learning Network Council (ALNC) ke 5 dan menyertai pameran The 8th International Education & Career Exhibition 2010, pada 7 - 11 April 2010.



Mesyuarat Penggubalan Peraturan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 21 - 23 April 2010.



Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Dato' Dr. Zulkifli A. Hassan ke tapak Kampus UMK, di Bachok, Kelantan sempena Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Bersama KPTM (JTKK Bil. 4/2010) di Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), pada 26 April 2010.

KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KE-35, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG.

16-26 JUN 2010



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009

9 JUN 2010 | DEWAN TERBUKA KEUSAHAWANAN, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



PERSIDANGAN SUMBER ASLI KEBANGSAAN 2010

NCNR



Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar menyampaikan cenderahati kepada Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

KEPENTINGAN sumber asli untuk menjaga pendapatan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan lenyap sekiranya kelestarian pengurusan pembangunannya gagal dilaksanakan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyatakan faktor itu mendorong UMK menganjurkan Persidangan Sumber Asli Kebangsaan (NCNR) 2010 untuk mendidik masyarakat betapa pentingnya pemeliharaan sumber asli dan persekitaran.

"Konsep pemuliharaan dan pembangunan lestari adalah suatu aktiviti pembangunan yang membolehkan generasi semasa dapat memenuhi keperluan kehidupan mereka dengan menjaga keseimbangan alam sekitar demi kesinambungan penggunaan generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyempurnakan perasmian persidangan NCNR 2010 bertemakan "Sumber Asli dan Pembangunan Lestari", di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan pada 11 Mei 2010.

Persidangan ini juga sejajar dengan pengisytiharan tahun 2010 sebagai *The International Year of Biodiversity* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada program itu sebanyak 126 pembentangan kertas kerja termasuk pembentangan 62 poster melibatkan ahli akademik dari beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dibentangkan pada persidangan dua hari itu.

Ucuptama persidangan disampaikan oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Latif Mohamad dari Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

UMK MENANG 2 EMAS, 3 PERAK SATU GANGSA

ITEX '10 MALAYSIA

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) berjaya memenangi dua pingat emas menerusi projek *Organic Hirudin Fertilizer* dan *Novel Anti-Oxidant of Natural Purple Colour of Gynochthodes Sublanceolata* (Pokok Pitang) dan *Ipomoea Batatas* (Keledak) di 20th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2010.

Projek hasil inovasi pensyarah di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Prof. Dr. Awang Soh bin Mamat itu melakar sejarah bagi UMK di pameran berprestij yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur dari 14 hingga 16 Mei 2010.

Lebih membanggakan, projek yang diketuai Encik Muhd Najibul Muthiee bin Yaacob dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) berjaya menggondol tiga pingat perak menerusi projek bertajuk *Multipurpose Strap, Tomato/Chilli Sauce Holder* dan *Extendable Soap Holder*.

Selain itu, UMK juga berjaya memenangi pingat gangsa menerusi projek *Napping Mask*.

Pameran ITEX 2010 merupakan pameran inovasi dan reka cipta dari Universiti, Institusi Penyelidikan, individu dan sektor korporat dari ASEAN, Asia dan negara Eropah.



USAHAWAN PERLU KREATIF DAN INOVATIF UNTUK JANA PENDAPATAN

USAHAWAN digesa berfikir kreatif dan inovatif dengan inisiatif sendiri dalam melaksanakan sesuatu benda baru untuk menjana pendapatan yang boleh mencapai jualan mencecah ribuan ringgit sehari bagi menyokong maksud sebenar konsep keusahawanan.

Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif berkata, konsep keusahawanan juga dikaitkan dengan satu proses yang dinamik untuk membangunkan satu organisasi yang mampan dan berdaya tahan.

“Selain itu, konsep keusahawanan juga bermaksud menjana kekayaan dan kebiasaannya dikaitkan dengan organisasi perniagaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramahnya bertajuk ‘Usahawan Belia Pemacu Perkembangan dan Pembangunan Negara dalam program Keusahawanan Belia/Muda’ di Kampus UMK, Pengkalan Chepa, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Prof. Madya Abdul Aziz turut menggariskan lima pendekatan lain dalam konsep keusahawanan iaitu mengenalpasti peluang, berkemampuan, motivasi, kesediaan melakukan perubahan dan pengambilan risiko.

“Usahawan juga harus berani melakukan perubahan dalam menggerakkan konsep keusahawanan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, menjana pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Ekonomi II, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Puan Nazatul Akmal binti Ariffin berkata, pihaknya sentiasa menyokong pembangunan usahawan belia di negara ini menerusi sokongan dari segi kemudahan, bimbingan, kewangan dan pengiktirafan.

Menurut beliau, antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan adalah seperti penganjuran kursus rancangan perniagaan, kursus asas perniagaan, seminar peluang perniagaan tani, skim tabung ekonomi belia dan skim bantuan peniaga muda.



Konsep Keusahawanan ialah mengenalpasti peluang, berkemampuan, motivasi, kesediaan melakukan perubahan dan ambil risiko.
- Prof. Madya Abdul Aziz.

USAHAWAN PERLU BIJAK CARI PELUANG

- Dr. Nik Abdul Aziz



Dr. Nik Abdul Aziz bin Nik Yacob.

BAKAL usahawan perlu bijak memilih produk untuk dipasarkan di samping mengenal pasti permintaan pengguna selain membuat kajian berkaitan pasaran terkini.

Penasihat Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal DSDA Corporation, Dr. Nik Abdul Aziz bin Nik Yacob berkata, para pelajar disaran menjadikan bidang keusahawanan khususnya berkaitan produk kesihatan sebagai platform menjana pendapatan.

Menurutnya, peluang perniagaan kini terbuka luas kepada graduan dalam bidang keusahawanan kesihatan yang boleh menjadi batu loncatan untuk mereka mencapai tahap kewangan yang stabil.

“Selain itu, permulaan modal yang rendah dan permintaan berterusan terhadap produk kesihatan telah dapat menghasilkan ramai jutawan berjaya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk *Health and Wellness Industry: Issues, Challenges & Opportunities* sempena Sesi Hi-Tea Bersama Usahawan: Dr Nik Abdul Aziz bin Nik Yacob, di Bilik Kuliah 5, Kampus UMK, Pengkalan Chepa pada 27 April 2010 .

Program anjuran Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada potensi dalam bidang keusahawanan khususnya kesihatan.

Dr. Nik Abdul Aziz yang berpengalaman luas dalam bidang perubatan telah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kesihatan melalui penghasilan produk makanan kesihatan, XANTEEN yang telah berjaya dipasarkan dalam pasaran tempatan.

Beliau juga menyarankan pelajar menceburi bidang keusahawanan kesihatan sebagai platform menjana pendapatan ekoran peningkatan permintaan terhadap produk kesihatan di pasaran global yang amat memberangsangkan pada masa sekarang.

UMK jalin kerjasama dengan BSLN

UNIVERSITI Malaysia Kelantan melakar sejarah baru apabila menjadi universiti awam pertama yang memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Balai Seni Lukis Negara selepas empat tahun penubuhannya.

Majlis bersejarah itu membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama menerusi perkongsian pintar dalam bidang pendidikan dan pembangunan projek kesenian.

Pengerusi Lembaga Pengarah Amanah Balai Seni Lukis Negara, Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Rozali bin Isohak menyifatkan perjanjian persefahaman ini adalah antara usaha untuk memartabatkan bidang seni visual terutamanya pada peringkat nasional.

"Dengan perjanjian ini juga kita dapat mewawaskan bidang seni visual ini ke peringkat lebih tinggi dan bukan sekadar dijadikan subjek pembelajaran dan pengajaran tetapi sebagai batu loncatan melahirkan generasi yang profesional dalam seni visual pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Menandatangani MoU antara BSLN dengan UMK di Bilik Mesyuarat Perdana, Kampus UMK, pada 14 Jun 2010.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Ketua Pengarah BSLN, Y.Bhg. Dato' Mohd Yusof bin Ahmad yang diwakili oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Rozali bin Isohak.



UMK dan BSLN menandatangani MoU bagi membolehkan kedua-dua pihak menjalinkan perkongsian pintar dalam pelbagai bidang.



Welcome Delegates To

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN - PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY

ENGLISH CAMP 2010
13RD-17TH JUNE 2010



Program English Camp 2010 berjaya memberi pendedahan kepada peserta meningkatkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan dan Prince Of Songkla University (PSU), Thailand berganding bahu menganjurkan program 'English Camp 2010' bertujuan menyuntik semangat pelajar untuk meningkatkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris.

Program sulung anjuran kedua-dua universiti itu turut dikongsi bersama pelajar Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa.

Gabungan itu menyaksikan seramai 50 peserta menjalani sesi motivasi diri, strategi belajar serta bimbingan betul tentang kemahiran berbahasa Inggeris dan teknik belajar menguasainya dengan cara yang mudah serta menyenangkan.

Program empat hari bermula 13 hingga Jun 2010 itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMK, Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed.

Sementara itu, program di bawah bimbingan Pemangku Ketua Jabatan Bahasa Moden Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan UMK, Puan Yah binti Awang Nik turut dibantu lima penceramah dan tujuh jurulatih bahasa dari UMK dan PSU.

Program Baktisiswa Aprisiasi Warisan Asli

PENGANJURAN Bakti Siswa Aprisiasi Warisan Asli Kampung Orang Asli di Perkampungan Orang Asli, Sungai Rual, Jeli, Kelantan pada 8 hingga 10 April 2010 berjaya memberi manfaat berguna kepada 60 pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang terlibat dalam program tersebut.

Program tiga hari anjuran UMK dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Kelantan (JHEOAK) itu memberi pengalaman kepada para pelajar tentang corak kehidupan, sosio budaya, politik dan ekonomi yang masih sebatian dengan masyarakat Orang Asli berketurunan Jahai.

Menurut penyelaras program, Encik Mohd Adzwan bin Kamaruzaman, penganjuran program itu bertujuan mendekatkan mahasiswa dengan kehidupan masyarakat orang asli yang serba kekurangan dan banyak bergantung kepada hasil bumi.

"Program ini boleh menimbulkan kesedaran mahasiswa tentang cara hidup orang asli yang bergantung kepada sumber hutan berbanding nikmat yang dikecapi oleh masyarakat kampus yang sentiasa mahukan kesenangan dan kemewahan. Selain itu, pelajar-pelajar berpeluang mempelajari dan berkongsi ilmu menerusi kajian lapangan terhadap budaya dan aktiviti gotong-royong serta program yang diadakan sepanjang tiga hari itu," katanya.

Amalan budaya penduduk di perkampungan Orang Asli Sungai Rual seperti dari segi muzik tradisional, kepercayaan, struktur masyarakat, kehidupan harian, resipi (makanan tradisional), cara memasak dan seni kraftangan masih lagi dikekalkan sehingga ke hari ini walaupun ekosistem perkampungan itu sudah mengalami sedikit perubahan.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang tempoh program itu berlangsung seperti gotong-royong, pertandingan mewarna, sukaneka, tayangan filem animasi Upin dan Ipin, sumbangan pakaian dan sebagainya.

Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dan majlis penutup pula disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Encik Pauzi bin Pak Chu.

Kempen Kesedaran Pengawalan Kucing Terbiar



PENGANJURAN Kempen Kesedaran Pengawalan Kucing Terbiar sepanjang bulan Mei 2010 oleh Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) Universiti Malaysia Kelantan antara langkah berkesan untuk mengelakkan sebarang jangkitan penyakit bawaan kucing kepada komuniti.

Naib Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (NYDP MPP) daripada FPV UMK, Muhammad Luqman bin Nordin berkata, kempen itu juga bertujuan memastikan kucing terbiar bebas daripada sebarang jangkitan kuman untuk mengelakkan sebarang jangkitan penyakit bawaan kucing (zoonotik) merebak kepada manusia.

Tambah beliau, kempen kesedaran ini dipantau oleh Pensyarah Kanan FPV UMK, Dr. Jasbir Singh dan beliau berharap kempen ini dapat membantu mencegah tindakan kezaliman terhadap haiwan selain memberi kesedaran untuk memandulkan haiwan kesayangan yang terbiar.

"Untuk tujuan itu, kesemua pelajar FPV UMK telah mengedarkan risalah-risalah dan poster di sekitar kawasan UMK mengenai Kempen Kesedaran Pengawalan Kucing Terbiar supaya mereka lebih memandang serius isu ini," katanya.



Sebahagian aktiviti yang dijalankan oleh peserta program Baktisiswa.

Program baktisiswa beri pendedahan kepada pelajar UMK tentang kehidupan Orang Asli.

HARI Informasi Pengajian Siswazah IPTA



PROGRAM Hari Informasi Pengajian Siswazah, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mampu menjadi Pusat Seheniti (*One Stop Centre*) bagi membantu bakal siswazah lanjutan mendapatkan informasi tentang program-program Ijazah Lanjutan yang ditawarkan di kesemua 20 buah IPTA dan dua IPTS di negara ini.

Penyelaras Pengajian Siswazah dan Penyelidikan UMK, Prof. Awang Soh bin Mamat berkata, menerusi penganjuran program ini, bakal siswazah lanjutan berpeluang mendapatkan informasi dan maklumat terkini tentang program-program yang ditawarkan IPTA/IPTS yang terlibat.

Beliau memberitahu bahawa program ini berbeza dengan pameran pendidikan yang biasa dianjurkan kerana ia khusus untuk program ijazah lanjutan yang secara umumnya melibatkan dua peringkat pengajian utama iaitu Sarjana (Master) dan Doktor (PhD).

"Para pengunjung diberikan ruang pertanyaan dan perbincangan yang luas serta terperinci mengenai program siswazah yang terdapat di IPTA terbabit.

Mereka juga boleh membuat permohonan secara talian (online) untuk program pengajian yang diminati," katanya.

Program Hari Informasi Pengajian Siswazah IPTA anjuran Majlis Dekan-dekan Pengajian Siswazah IPTA (MDPS-IPTA) dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai sekretariat utama telah diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK pada 10 dan 11 April 2010. UMK telah dipilih sebagai tuan rumah buat julung kalinya bagi program ini yang diadakan sempena Mesyuarat MDPS ke-24.

Tambah Prof. Awang Soh, program ini adalah platform dan wadah untuk semua Dekan Sekolah atau Pusat Pengajian Siswazah IPTA bertemu dan berbincang bagi mewujudkan serta melaksanakan program siswazah yang berkualiti dan diiktiraf dunia.

"Kita juga memberi kemudahan membuat permohonan untuk menyambung pengajian secara terus kepada IPTA yang berkenaan dan ia memberi peluang terbaik kepada rakyat Kelantan termasuk di negeri-negeri yang berdekatan seperti Terengganu menghadiri program ini, jelasnya.

KURSUS KO-KURIKULUM LAHIR GRADUAN CEMERLANG

GRADUAN cemerlang ialah mereka yang memiliki pencapaian akademik dan kemahiran insaniah dalam usaha menjadi modal insan yang berkualiti untuk memberi sumbangan demi kesejahteraan global.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed berkata, UMK berhasrat untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam bidang akademik dan kemahiran insaniah.

"Universiti telah menyediakan 14 kursus ko-kurikulum pada semester ini yang merangkumi empat komponen iaitu sukan, seni persembahan, badan beruniform dan pengurusan dan ketrampilan diri.

"Sehingga kini, seramai 410 pelajar telah berdaftar bagi mengikuti semua kursus yang ditawarkan tersebut," katanya ketika berucap merasmikan Hari Ko-Kurikulum Semester 2 Sesi 2009/2010 di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 8 April 2010.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMK, Encik Pauzi bin Pak Chu.

Prof. Dato' Dr. Mortaza menambah, Hari Ko-Kurikulum tersebut bertujuan memberi ruang dan peluang kepada para pelajar mempraktikkan pengetahuan yang mereka pelajari melalui aktiviti yang mereka sertai dalam program tersebut.

"Ia juga dapat mewujudkan hubungan kerjasama antara pelajar semasa merancang dan melaksanakan sesuatu aktiviti dengan lebih kreatif dan inovatif seiring dengan matlamat UMK untuk muncul sebagai sebuah universiti keusahawanan. Selain itu, program tersebut secara tidak langsung diharap dapat mewujudkan ciri-ciri kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti yang dikehendaki oleh pihak industri pada masa sekarang," katanya.



Demonstrasi oleh peserta kursus ko-kurikulum sempena Hari Ko-Kurikulum Semester 2 Sesi 2009/2010.

EDUCATION MALAYSIA EXPOSITION 2010



Pameran Education Malaysia Exposition beri peluang warga Myanmar belajar di UMK.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) telah menyertai *Education Malaysia Exposition* bertempat di Ballroom, Park Royal Hotel, Yangon, Myanmar, pada 20 hingga 21 Jun 2010.

Pameran anjuran Rexpocentral Sdn. Bhd. dengan kerjasama Jenko Educare, Myanmar itu disertai oleh Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik, Prof. Rosdi bin Abdul Rahman dan Penolong Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Cik Rosmawati binti Hj. Isa.

Pameran dua hari itu telah mendapat sambutan hangat dari seluruh warga di Yangon, Myanmar sama ada pelajar sekolah, lepasan sekolah, lepasan universiti, masyarakat setempat mahupun ibu bapa.

Penyertaan UMK ke pameran ini adalah bertujuan mempromosi UMK kepada rakyat Myanmar tentang penubuhannya sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia berjaya dicapai.

Pengunjung telah diberi pendedahan tentang bidang-bidang pengajian yang ditawarkan oleh UMK yang berteraskan keusahawanan.

Pameran itu membuka peluang kepada warga Myanmar melanjutkan pelajaran di peringkat pasca siswazah di UMK akan tercapai.

Sepanjang berada di sana UMK telah berjaya memperkenalkan Universiti kepada seluruh warga Yangon, Myanmar di samping memasarkan program-program yang dijalankan di UMK kepada masyarakat luar dan membina hubungan antara UMK dengan masyarakat Yangon, Myanmar.

Lawatan Kerja UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KE INDONESIA

NAIB Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed bersama delegasi UMK telah mengadakan lawatan kerja ke Indonesia selama empat hari bermula pada 28 hingga 31 Mei 2010.

Lawatan ini dimulakan dengan mengadakan kunjungan hormat ke Universitas Trisakti, Jakarta, Indonesia pada 28 dan 29 Mei 2010 untuk sesi temuduga bagi jawatan akademik bertempat di PT *Piesta International Consulting*, Warung Buncit, Jakarta, Indonesia.

Pada 30 Mei 2010, delegasi Naib Canselor bersama Dekan Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Prof. Madya Ab. Aziz bin Shuaib, Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik, Prof. Rosdi bin Ab. Rahman dan Penolong Pendaftar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Puan Adni binti Abu Hassan Sha'ari telah diraikan dalam Majlis Makan Malam di Restoran Nyai Kuring, Warung Buncit, Jakarta.

Selain itu, rombongan UMK juga membuat kunjungan hormat ke Institut Kesenian Jakarta pada 31 Mei 2010 sebelum bertolak balik ke Malaysia.

Hasil lawatan ini, kedua-dua pihak berbincang tentang hasrat untuk mewujudkan jalinan kerjasama akademik termasuk pertukaran staf akademik, penyelidikan, program lawatan pelajar dan sebagainya. Delegasi UMK turut dipersembahkan video korporat oleh Fakultas Seni Rupa dan Desain.

Pada pertemuan itu, dua orang wakil pelajar Fakultas Seni Rupa dan Desain turut hadir bagi membincangkan kerjasama

yang boleh dijalinan dengan wakil pelajar UMK seperti mengadakan lawatan sambil belajar ke UMK termasuk pengisian program bengkel atau seminar akademik.

Pada lawatan itu, delegasi UMK telah dibawa melawat ke pameran memperingati peristiwa berdarah reformasi Indonesia yang berlaku 12 tahun dahulu (tahun 1998) di mana Universitas Trisakti kehilangan empat orang pelajarnya yang telah mengetuai reformasi tersebut.



Naib Canselor UMK menerima tanda kenangan daripada Dekan Fakultas Seni Rupa dan Desain Universitas Trisakti.

41 Staf UMK Dirai Dalam *Majlis APC 2009*

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009



DUDUK HADAPAN DARI KIRI :

PROF. DR. AZIZUL HALIM YAHYA, PN. YASMIN BINTI MAHMOOD, DATUK SR. HAJI MD ALWI BIN HAJI CHE AHMAD, DATO' MOHAMMED HUSSEIN, DATO' DR. RAMLI BIN HASAN, PROF. DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED, TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN, DATO' SERI SETIA RAJA HAJI MOHD AISERI BIN ALIAS, EN. MAKHTAR BIN MUSTAPHA, DATO' MAHAMED BIN HUSSAIN, PROF. DATO' DR. HJ. MORTAZA BIN MOHAMED, EN. ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN.

BERDIRI BARISAN PERTAMA DARI KIRI :

PN. MARINAH MUHAMMAD, PN. NOR ANIDA YUSOFF, PN. WAN YUSWANEE WAN YUSOFF, PN. LINIRA GHAZALI, EN. AMIRUL FIRDAUS ZILAH, EN. SUIMI MOHD NOOR, EN. MUHAMAD ANUAR ISMAIL, TN. HJ. FAUZI AB. LLAH, CIK ZAIRAH AYU ABD. GHANI, PN. SITI FABRUS YUHANIS, CIK SITI HAJAR AZMI, PN. NALMA MAMAT.

BERDIRI BARISAN KEDUA DARI KIRI :

CIK ROZIATUN MOHD SAYUTY, EN. IDZUAN ABDUL HAMID, TN. HJ. WAN SUPIAN SORI WAN ABDULLAH, EN. MOHD HARISS LUKMAN, EN. MOHD HAIZUMI MD AB SANI, PROF. MADYA ABDULAZIZ AB. LATIF, EN. ABD AZIZ MASOD, EN. AHAMAD TARMIZI AZIZAN, EN. MOHD ASRI YAACOB, DR. MOHD RAFI YAACOB, CIK ARBAIAH ABDUL RAZAK.

BERDIRI BARISAN KETIGA DARI KIRI :

EN. FAUZAN SHAMSUDDIN, EN. AMERUDDIN ABDUL GHANI, EN. AWENG AL E H RAK, EN. SUHAIMI OMAR, EN. AHMAD HUMAIZI HASIM, DR. NUR AZUKI YUSOFF, EN. ZAFRIN ABDUL RAHMAN, DR. GHAZALI AHMAD, EN. HASNAN HASSAN.

Anugerah Gemilang Universiti 2009



DUDUK HADAPAN DARI KIRI :

PROF. DR. AZIZUL HALIM YAHYA, PN. YASMIN BINTI MAHMOOD, DATUK SR. HAJI MD ALWI BIN HAJI CHE AHMAD, DATO' MOHAMMED HUSSEIN, DATO' DR. RAMLI BIN HASAN, PROF. DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED, TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN, DATO' SERI SETIA RAJA HAJI MOHD AISERI BIN ALIAS, EN. MAKHTAR BIN MUSTAPHA, DATO' MAHAMED BIN HUSSAIN, PROF. DATO' DR. HJ. MORTAZA BIN MOHAMED, EN. ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN.

BERDIRI DARI KIRI :

PROF. DR. IBRAHIM CHE OMAR, EN. MUHAMMAD NAJIBUL MUTHIIE CHE YAACOB, EN. MOHD FADLI MOHD ZAIN, EN. NEK AHMAD KAMIL NEK ABDULLAH, EN. ZULKIFLI ABDUL GHANI, EN. RAZIMI ISMAIL, EN. WAN MD. ZULKARMI WAN OMAR, PN. ZAWIYAH ALI, PROF. MADYA DR. MOHAMED DAHLAN IBRAHIM (Tiada Dalam Gambar)